

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 14 FEBRUARI 2024
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 21

Harga besi meningkat sehingga 3.3 peratus bulan lalu

Harga besi meningkat sehingga 3.3 peratus bulan lalu

Indeks harga seunit besi meningkat 0.4 hingga 3.3 peratus bagi kebanyakan kawasan pada Januari berbanding bulan sebelumnya, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata peningkatan tertinggi harga seunit besi adalah di Perak (3.3 peratus) dan diikuti oleh Pahang (0.8 peratus), Pulau Pinang, Kedah & Perlis dan Kuching (masing-masing 0.6 peratus).

"Bagi perbandingan bulanan mengikut bahan binaan dan kawasan terpilih mencatatkan tiada perubahan dalam indeks harga seunit

bagi bahan binaan seperti papan lapis, bahan kerja paip dan cat bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

"Indeks harga seunit keratan keluli dan logam kekal tidak berubah bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak, manakala terdapat sedikit penurunan dalam indeks harga bahan ini bagi kawasan Pulau Pinang, Kedah & Perlis (-0.8 peratus), Johor (-0.3 peratus), Kota Kinabalu (-0.1 peratus) dan Sandakan (-2.2 peratus).

"Selain daripada itu, terdapat peningkatan kecil direkodkan dalam indeks harga bahan ini bagi kawasan Perak (0.9 peratus) dan Kuching

(0.2 peratus)," katanya.

Mohd Uzir berkata, perbandingan bulanan pula mencatatkan indeks seunit harga simen kekal tidak berubah bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak pada Januari 2024.

Harga simen meningkat

Terdapat sedikit peningkatan dalam indeks harga bahan bagi kawasan Pulau Pinang, Kedah & Perlis (0.8 peratus) dan Terengganu & Kelantan (0.5 peratus).

Beliau bagaimanapun berkata, perbandingan tahunan untuk tempoh Januari 2023 dan Januari 2024 menunjukkan indeks harga seunit

simen mencatatkan peningkatan antara 0.7 peratus hingga 12 peratus bagi semua kawasan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Katanya, peningkatan tertinggi bagi indeks harga seunit simen telah dicatatkan bagi Pulau Pinang, Kedah & Perlis (12 peratus) dan diikuti oleh Terengganu & Kelantan (11.8 peratus), manakala indeks harga seunit besi pula mencatatkan peningkatan antara 0.7 peratus hingga 4.0 peratus bagi Januari 2024 berbanding bulan yang sama tahun lalu.

"Namun begitu, kawasan yang mencatatkan penurunan indeks harga seunit besi adalah di Miri (-4.0 peratus), Selangor, Wilayah Perse-

kutuan Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (-3.0 peratus) dan Sandakan (-2.3 peratus)," katanya.

Mohd Uzir berkata, purata harga seunit besi yang terdiri daripada bulat keluli lembut dan 'Mycon 6t high tensile deformed bars' adalah RM3,664.51 bagi satu tan dengan peningkatan 1.0 peratus berbanding bulan sebelumnya iaitu RM3,629.77 satu tan.

"Manakala, purata harga simen (Ordinary Portland) pula mencatatkan penurunan kecil iaitu 0.1 peratus dengan purata harga RM22.97 bagi 50 kilogram sekarang berbanding Disember 2023 (RM23 bagi 50 kilogram sekarang)," katanya.